



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

14 Julai 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT
SULONG BERHUBUNG PEMBENTANGAN LAPORAN PAC
PARLIMEN BERHUBUNG TUNTUTAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)
BERJUMLAH RM19.4 BILION OLEH JABATAN KASTAM
DIRAJA MALAYSIA (JKDM) DI BAWAH KEMENTERIAN
KEWANGAN**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen sebulat suara bersetuju untuk membentangkan Laporan PAC Parlimen berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion pada hari Isnin, 15 Julai 2019.

- 2) Keputusan untuk memperawalkan pembentangan laporan ini yang pada mulanya dijadualkan pada hari Selasa, 16 Julai 2019, adalah bagi mengelakkan lebih banyak andaian berhubung Laporan PAC Parlimen berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.

3) Selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, orang ramai boleh mendapatkan laporan ini dengan memuat turunnya daripada laman web PAC Parlimen di alamat www.parlimen.gov.my/pac pada hari yang sama ia dibentangkan.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Dr Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia